



---

**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 2/2008**

---

**Pengukuran Tanah oleh Juruukur Tanah Berlesen**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 2/2008
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 2/2008**

**Pengukuran Tanah oleh Juruukur Tanah Berlesen**

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihat semua Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah berhubung dengan urusan pengukuran tanah oleh Juruukur Tanah Berlesen (*Licensed Land Surveyor*).

2. Pemilik berdaftar atau pemohon tanah mempunyai pilihan sama ada menggunakan perkhidmatan Jabatan Ukur dan Pemetaan atau Juruukur Tanah Berlesen untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran tanah. Pada masa ini, kebanyakan tuan tanah atau pemohon tanah mampu dan lebih berminat melantik juruukur tanah berlesen untuk kerja pengukuran tanah.
3. Juruukur Tanah Berlesen yang telah diberi lesen oleh Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458) sahaja boleh menjalankan kerja-kerja pengukuran tanah khasnya amalan ukur kadaster. Di bawah seksyen 13, Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958, Juruukur Tanah Berlesen dibenarkan mengukur tanah bagi tujuan mendapat hakmilik tetap atau "*title survey*" seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 398 dan 398A Kanun Tanah Negara 1965 seperti pemberimilikan tanah, pecah sempadan, pecah bahagian, penyatuan tanah, penyerahan dan pemberimilikan tanah semula, stratum dan hakmilik strata di bawah Akta Hakmilik Strata 1985.
4. Sekiranya pemilik berdaftar atau pemohon tanah melantik juruukur tanah berlesen untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran, keseluruhan anggaran bayaran ukur tanah akan didepositkan kepada Lembaga Juruukur Tanah menurut Peraturan 99 dan Jadual Ketiga belas, Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959. Pemilik berdaftar atau pemohon seterusnya hendaklah mengemukakan kepada Pentadbir Tanah sijil daripada Lembaga Juruukur Berlesen yang mengesahkan bahawa kerja pengukuran akan dijalankan oleh juruukur tanah berlesen menurut seksyen 409A Kanun Tanah Negara 1965.
5. Untuk memudahkan kerja-kerja pengukuran dengan cepat dan tepat, butiran-butiran penting hendaklah diberi kepada juruukur tanah berlesen iaitu nombor fail, nama dan alamat tuan tanah atau pemohon tanah, petikan daripada keputusan Pihak Berkuasa Negeri, Pendaftar atau Pentadbir iaitu pelan tanah dan keluasan tanah dan lain-lain maklumat yang difikirkan perlu. Juruukur tanah berlesen adalah dinasihatkan supaya melaporkan dengan segera sebarang perbezaan antara tanah yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir Tanah dengan tanah yang telah diukur.
6. Maklumat mengenai pengukuran oleh juruukur tanah berlesen hendaklah disimpan dalam fail yang berkenaan dengan tanah yang terlibat. Selain daripada itu, Pentadbir Tanah tidak perlu mengambil tindakan yang lain seperti mengutip bayaran ukur (kerana dikecualikan di bawah seksyen 409A Kanun Tanah Negara 1965) dan menunjukkan sempadan tanah kepada tuan tanah atau pemohon tanah.
7. Kerja-kerja pengukuran tanah akan dijalankan mengikut kaedah yang ditetapkan dalam Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958, Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 dan Peraturan Ukur Kadaster 2002. Hasil kerja pengukuran tanah oleh juruukur tanah berlesen akan diserahkan kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan untuk semakan dan kelulusan di bawah seksyen 14, 15 dan 16 Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958. Seterusnya, Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri akan meluluskan pelan akui tanah, pelan akui stratum atau pelan akui strata dan menyerahkannya salinan pelan akui kepada Pentadbir Tanah atau Pendaftar Hakmilik untuk pendaftaran hakmilik tetap.

8. Bagi pengukuran pemberimilikan tanah, Juruukur Tanah Berlesen diberi ingatan dalam Peraturan 53, Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 1959 supaya jangan menjaskankan kepentingan kerajaan dan pilih kasih kepada mana-mana pihak seperti berikut:-

"In carrying out surveys for the first alienation of land, every licensed land surveyor shall have regard to the interests of the Government in all his operations and shall avoid effecting surveys in such manner as to render any portion of the land waste, or as to confer undue advantage on individuals."

9. Jika Juruukur Tanah Berlesen gagal menyiapkan kerja-kerja pengukuran dalam masa yang ditetapkan, Pengarah Ukur dan Pemetaan boleh menyelesaikan kerja-kerja pengukuran menurut kuasa yang diberi kepadanya di bawah seksyen 398A Kanun Tanah Negara.

10. 'Commissioner of Lands' Circular No. 8 of 1959' dan 'Commissioner of Lands' Circular No. 2 of 1964' adalah dengan ini dibatalkan.



**( ABD HALIM BIN AIN )**  
**Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**

Fail : JKPTG/101/KPU/799 Jld. 4  
Tarikh : 4 Julai 2008